

08/07/2001

MOM tidak terbabit pilih Marathon: Kok Chi

Hussain Said

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) menafikan pihaknya terbabit dalam memutuskan pemilihan jenama Thailand, Marathon selaku pembekal bola rasmi acara sepak takraw Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 dari 8 hingga 17 September ini.

Sebaliknya, badan induk itu mengesahkan bahawa pemilihan pembekal bola rasmi sepak takraw pada temasya dwitahunan itu diputuskan oleh Sekretariat Sukan Sea XXI.

Setiausaha Kehormat MOM, Datuk Sieh Kok Chi, berkata peranan pihaknya hanya sekadar mendapatkan pengesahan Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) dan Persatuan Sepak Takraw Asia (Astaf) mengenai jenama bola yang mendapat pengiktirafan kedua-dua badan induk itu.

"Keputusan berhubung penajaan bola sepak takraw untuk Sukan Sea XXI diputuskan oleh Sekretariat Sukan Sea XXI yang diketuai Zaki Abdul Rahman. Keputusan mengenainya dimaklumkan kepada MOM, 8 Jun lalu dan saya percaya ia adalah keputusan tepat berdasarkan peraturan yang ditetapkan.

"Sebaliknya, peranan MOM adalah sekadar mendapatkan pengesahan daripada Istaf dan Astaf mengenai jenama bola mana yang diiktiraf kedua-dua badan induk itu untuk dimaklumkan kepada Sekretariat Sukan Sea XXI.

"Saya juga Ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa Teknikal Sukan Sea XXI tidak membenarkan penggunaan kelengkapan dan bola dalam sebarang acara pada temasya dwitahunan itu sekiranya tidak mendapat pengiktirafan badan induk antarabangsa," katanya semalam.

Terdahulu, isu mengenai bola rasmi sepak takraw timbul semula apabila pengeluar jenama tempatan, Gajah Emas mempertikai kewibawaan MOM kerana memilih produk Thailand sebagai bola rasmi temasya dwitahunan itu.

Sambil menyifatkan tindakan MOM itu bertentangan aspirasi 'Malaysia Boleh', pengeluar Gajah Emas, Gajatakrav Industries Sdn Bhd, merumuskan senario itu menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Kok Chi pihaknya terkejut kerana menjadi sasaran dan mempersoalkan motif sebenar Gajah Emas menimbulkan isu mengenai penggunaan bola pada temasya serantau itu.

"Daripada senarai yang dikemukakan kepada saya, Gajah Emas tidak terbabit dalam sebarang pertandingan antarabangsa tetapi hanya di peringkat kebangsaan saja. Malah, saya difahamkan dalam kejohanan antarabangsa yang diadakan di Malaysia, bola Gajah Emas juga tidak pernah digunakan.

"Mengapa apabila tiba Sukan Sea XXI, Gajah Emas menjadikannya isu besar tetapi apabila kejohanan antarabangsa lain yang diadakan di Malaysia, Gajah Emas hanya menutup mulut mengenai penggunaan bola Marathon?," soalnya.

Kok Chi merumuskan kesediaan Gajah Emas menanggung keseluruhan perbelanjaan penyediaan kelengkapan sepak takraw pada Sukan Sea XXI September ini, jika diberi hak membekal bola rasmi sudah terlewat.

Menurutnya, pakej yang ditawarkan jenama tempatan itu juga kurang menarik kerana tawaran Gajah Emas yang hanya berjumlah RM57,000 itu adalah separuh daripada tawaran keseluruhan Marathon sebanyak RM120,260.

"Marathon bukan setakat menawarkan kelengkapan berbentuk bola sebanyak 400 biji, 20 set jaring, empat set tiang dan dua set gelanggang yang jumlah keseluruhannya sebanyak RM100,260.

"Tetapi jenama itu juga menawarkan wang tunai sebanyak RM20,000 bagi menjayakan pertandingan sepak takraw. Jelas, pakej yang ditawarkan itu

lebih menarik berbanding Gajah Emas yang saya difahamkan hanya membabitkan RM57,000," katanya.

Menurut Kok Chi, dia menyarankan Gajah Emas mengemukakan pertanyaan kepada Istaf dan Astaf mengapa sehingga kini jenama mereka masih belum mendapat pengiktirafan.

"Jangan tanya MOM mengenai pengiktirafan itu. Itu bukan tugas MOM. Gajah Emas harus mengemukakan persoalan itu kepada Istaf dan Astaf atau Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) selaku badan induk di negara ini," katanya.

(END)